

Headline	Rayu bekalan elektrik disegerakan		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	10 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	9,832	Readership	29,496
Section	News	Page No	69
ArticleSize	286 cm²	Journalist	Adnan Ibrahim
PR Value	RM 19,740		



Rayu bekalan elektrik disegerakan

Projek di
Kampung Orang
Asli Berasau
tertangguh sejak
setahun lalu

Oleh Adnan Ibrahim
cnews@nsp.com.my

Kluang: Penduduk Kampung Orang Asli Berasau, di sini me-rayu projek pemasangan bekalan elektrik di kampung itu disegerakan selepas tertangguh sejak ki-ra-kira setahun lalu.

Tok Batin Kampung Orang Asli

Berasau, Sari Achu, mendakwa pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) datang ke kampung itu pada awal 2017 untuk melakukan ukuran jarak dan mengambil maklumat berkaitan keperluan elektrik yang perlu disalurkan.

Pertengahan tahun lalu, kata-nya, wakil TNB datang sekali lagi menemui penduduk di kampung itu dan menyatakan projek pe-masangan memerlukan kajian se-mula dan tidak dapat dilakukan ketika itu.

"Sudah setahun berlalu namun belum ada tanda projek pemasangan bekalan elektrik dilakukan dalam masa terdekat ini."

"Keadaan ini membuatkan pen-duduk bergantung harap kepada jana kuasa yang hanya boleh be-

roperasi mulai jam 7 malam hingga 1 pagi," katanya.

Beliau berkata selepas tinjauan ke perkampungan Orang Asli di sekitar Pekan Kahang bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kahang, R Vidyananthan di sini, semalam.

Sari berkata, pelan pemasangan bekalan elektrik di kampung itu dirancang sejak tiga tahun lalu dan sepatutnya dipasang tahun lalu, namun ditangguhkan tanpa sebab.

"Sekiranya hasrat pemasangan bekalan elektrik terus ditangguhkan, ia bermakna kampung ini kekal bergelap dan boleh menyebabkan haiwan liar seperti gajah semakin berani menceroboh ka-wasan kediaman penduduk.

Sudah setahun berlalu namun belum ada tanda projek pemasangan bekalan elektrik dilakukan dalam masa terdekat ini.

*Sari Achu,
Tok Batin Kampung
Orang Asli Berasau*

"Kami berharap pihak berkaitan akan memberi perhatian kepada penduduk di kampung ini yang didiami 17 keluarga," katanya.

Mengulas isu terbabit, Vidya-nanthan berkata, peruntukan un-tuk projek berkenaan disediakan namun kerajaan negeri tidak me-ngetahui mengapa kajian semula perlu dibuat.

"Kedudukan kampung ini ki-ra-kira lima kilometer (km) dari jalan utama Kluang-Mersing.

"Penyaluran bekalan elektrik di kampung ini bertujuan memu-dahkan kehidupan mereka, maka penangguhan ini secara tidak langsung melambatkan untuk membangunkan perkampungan terbabit," katanya.